

PM KESAL USAHAWAN UM 29 DEC 1984 KITA LEMAH

PETALING JAYA 28
Dis. - Datuk Sri Dr.
Mahathir Mohamad hari ini
mengatakan bahawa
usahawan - usahawan
Malaysia lemah kerana
mereka tidak berupaya
untuk bekerjasama sebagai
satu pasukan.
Berucap di jamuan malam
Yayasan Pengurusan
Malaysia (MIM) di PJ
Hilton disini, Perdana
Menteri berkata, toleransi
dan saling faham
memahami bukan suatu
kemahiran mereka.
"Keadaan ini bukan hanya
melibatkan syarikat -
syarikat berbagai kaum
tetapi juga kepada syarikat
satu kaum," ujar beliau.
Datuk Sri Dr. Mahathir
telah dianugerah dengan

Fellow Kehormat dari
Yayasan Pengurusan
Malaysia dalam jamuan
malam itu.
Beliau mahukan seminar -
seminar dan kursus - kursus
memberitumpuan kepada
soal kerjasama itu sehingga
sikap yang betul dianuti
oleh ahli-ahli perniagaan
negara ini.
"Hanya dengan ini, bidang
perniagaan negara ini dapat
berkembang pesat dengan
secukupnya serta benar -
benar memastikan
keajaiban Dasar Ekonomi
Baru (DEB)," ujar beliau.
Perdana Menteri
selanjutnya berkata, semua
arah baru, dasar-dasar dan
konsep - konsep
menggambarkan hasrat
kerajaan untuk

mewujudkan suatu ekonomi
yang menggalakkan
"Kusahawanan yang
cekal".
Bagaimanapun, katanya,
kerajaan tidak boleh
menjadi pelindung yang
tetap kepada setiap individu
sebagai seorang usahawan
yang cekal tetapi kerajaan
boleh menyediakan suasana
dasar dan galakan yang
sesuai.
"Terpulang kepada
pemimpin - pemimpin
perniagaan dan
perdagangan kita serta
institusi - institusi latihan
seperti MIM dan INTAN
untuk menjadikan cita-cita
itu satu kenyataan," ujar
beliau.
Bagaimanapun, Perdana

Menteri menyatakan
keyakinan beliau bahawa
suasana sekarang adalah
yang terbaik bagi para
usahawan sejak
kemunculan dahulu.
Tetapi, tegas beliau,
kerajaan tidak boleh terus
mencetus memujuk para
usahawan tentang perkara
ini sekiranya mereka terus
mahu bersikap pasif dan
tidak ambil peduli, adalah
untuk kepentingan mereka
untuk mereka menyambut
cabaran ini.
Pada peringkat lain,
katanya, kerajaan sedang
mempromosikan mata
pelajaran kemahiran
manipulatif dan pengurusan
untuk menghasilkan
usahawan yang cekal pada
masa depan.